

Najib percaya dana masuk akaun derma Raja Arab Saudi

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menegaskan, beliau percaya dana diterima dalam akaun peribadi Ambank miliknya ialah sumbangan derma daripada Raja Arab Saudi, Almarhum Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saudi.

Bekas Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu berkata, dalam negara beraja seperti Arab Saudi, iaitu raja memegang kuasa tertinggi, munasabah bagi beliau untuk mempercayai Raja Abdullah mengarahkan Kementerian Kewangan Riyadh mengagihkan dana bagi pihaknya sebagai derma.

Najib yang membela diri terhadap 25 tuduhan penyelewengan dana RM2.3 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berkata, kementerian kemudian akan melaksanakan

permintaannya itu.

“Oleh itu, untuk mencadangkan dana ini bukan terus daripada akaun peribadi Almarhum Raja Abdullah, tetapi daripada Kementerian Kewangan Riyadh, mengarut kerana pada saya, itu mencerminkan niat dan kewibawaan Raja Abdullah sendiri.

“Selain menerima dana daripada Kementerian Kewangan, Riyadh, saya turut menerima sejumlah RM311,122,245.94 daripada cucu Almarhum Raja Abdullah, iaitu Putera Faisal bin Turki dan Putera Saud bin Abdulaziz Al Saud.

“Begitu juga, munasabah bagi saya untuk mempercayai Almarhum Raja Abdullah mengarahkan cucunya membayar sumbangan itu kepada saya melalui akaunnya,” katanya.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu menerima AS\$99,999,976.00 daripada Putera Faisal dan Kementerian Kewangan Riyadh antara 24 Februari 2011 dan 29 November 2011.

Sementara itu Najib berkata, oleh sebab dana besar itu diterima daripada sumber yang mempunyai reputasi seperti Kementerian Kewangan Riyadh, Putera Faisal bin Turki dan Putera Saud bin Abdulaziz Saud, jelas beliau tidak mempunyai sebab untuk mempercayai ia datang daripada sumber yang menyalahi undang-undang.

“Tidak terbayangkan bagi saya walaupun untuk mempunyai sekelumit syak wasangka bahawa dana itu daripada entiti penting di Arab Saudi, boleh menjadi sumber yang haram,” katanya.



Najib hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Najib berkata demikian ketika menjawab soalan peguam belanya, Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin ketika disoal mengenai tanggapannya apabila menerima dana itu daripada Kementerian Kewangan Riyadh.

Beliau membela diri terhadap

empat tuduhan menggunakan kedudukan bagi memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 tuduhan pengubahan wang haram.

Perbicaraan depan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah.